



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN GURU TENTANG
PENGALAMAN PEMBELAJARAN DAN PENILAIAN PERDAGANGAN
DENGAN PENGURUSAN PELAKSANAAN PERDAGANGAN
DI SEKOLAH MENENGAH, KUALA LUMPUR**

ASNAINI BINTI AWI

FPP 2008 5



**HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN GURU TENTANG
PENGALAMAN PEMBELAJARAN DAN PENILAIAN PERDAGANGAN
DENGAN PENGURUSAN PELAKSANAAN PERDAGANGAN
DI SEKOLAH MENENGAH, KUALA LUMPUR**

Oleh

ASNAINI BINTI AWI

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah
Master Sains**

Januari 2008



Istimewa untuk,

*Ayahanda,
Bonda,
Kakanda,
Adinda
dan
Anakanda*



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains.

**HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN GURU TENTANG
PENGALAMAN PEMBELAJARAN DAN PENILAIAN PERDAGANGAN
DENGAN PENGURUSAN PELAKSANAAN PERDAGANGAN DI
SEKOLAH MENENGAH, KUALA LUMPUR**

Oleh

ASNAINI BINTI AWI

Januari 2008

Pengerusi : Profesor Madya Mohd Majid Bin Konting, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara pengetahuan guru tentang pengalaman pembelajaran dan penilaian perdagangan dengan pengurusan pelaksanaan pengajaran perdagangan sekolah-sekolah menengah di Kuala Lumpur. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang guru yang mengajar perdagangan di sekolah menengah Zon Pudu, Kuala Lumpur. Dua instrumen kajian iaitu Ujian Pengetahuan Perdagangan digunakan untuk mengukur tahap pengetahuan guru tentang pengalaman pembelajaran dan penilaian perdagangan manakala soal selidik digunakan untuk mengukur tahap pengurusan pelaksanaan pengajaran perdagangan.

Dapatan kajian dilaporkan berdasarkan enam persoalan. Pertama, sejauhmanakah guru perdagangan memahami pengalaman pembelajaran perdagangan berdasarkan huraian sukatan pelajaran dan kaedah pengajaran; dan penilaian perdagangan? Kedua, sejauhmanakah guru perdagangan dapat mengurus pelaksanaan pengajaran perdagangan dari aspek pengurusan pengajaran, pengurusan bilik darjah dan pengurusan ujian perdagangan? Ketiga, adakah terdapat hubungan antara pengetahuan guru tentang pengalaman pembelajaran dan penilaian perdagangan dengan pengurusan pelaksanaan pengajaran perdagangan? Keempat, adakah terdapat hubungan antara pengetahuan guru tentang pengalaman pembelajaran dan penilaian perdagangan dengan faktor demografi dari aspek opsyen mengajar, pengalaman mengajar mata pelajaran perdagangan, kelulusan akademik dan pengalaman sebagai pemeriksa kertas perdagangan SPM? Kelima, apakah masalah yang dihadapi oleh guru perdagangan dalam melaksanakan pengajaran perdagangan? Dan keenam, apakah cadangan guru perdagangan untuk mengatasi masalah yang wujud?

Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru tentang pengalaman pembelajaran dan penilaian perdagangan adalah sederhana (min skor = 67.93, sisihan piawai = 19.73), sementara tahap pengurusan pelaksanaan pengajaran perdagangan adalah sederhana (min skor = 147.57, sisihan

piawai = 13.30). Dapatan kajian juga menunjukkan tiada hubungan antara pengetahuan guru tentang pengalaman pembelajaran dan penilaian perdagangan dengan pengurusan pelaksanaan pengajaran perdagangan dari ketiga-tiga aspek iaitu pengurusan pengajaran ($r = -0.070$, $p \geq 0.05$), pengurusan bilik darjah ($r = 0.018$, $p \geq 0.05$) dan pengurusan ujian perdagangan ($r = 0.039$, $p \geq 0.05$). Dapatan kajian juga menunjukkan tiada hubungan antara pengetahuan guru tentang pengalaman pembelajaran dan penilaian perdagangan dengan faktor demografi dari aspek opsyen mengajar ($r_{cc} = 0.534$, $p \geq 0.05$), pengalaman mengajar ($r = -0.198$, $p \geq 0.05$), kelulusan akademik ($r_s = -0.094$, $p \geq 0.05$) dan pengalaman sebagai pemeriksa kertas perdagangan SPM ($r = -0.053$, $p \geq 0.05$).

Hasil analisis data tentang masalah dan kekangan guru perdagangan dalam pengurusan pelaksanaan pengajaran perdagangan menunjukkan kebanyakan responden menghadapi masalah tentang ketidakselarasan huraian sukatan pelajaran perdagangan dan masa pengajaran yang terhad untuk menghabiskan semua sukatan mata pelajaran perdagangan. Kebanyakan responden mencadangkan supaya huraian sukatan pelajaran perdagangan dapat diringkaskan lagi dan masa pengajaran ditambah.

Kesimpulannya, walaupun tiada hubungan antara tahap pengetahuan guru tentang pengalaman pembelajaran dan penilaian perdagangan dengan

pengurusan pelaksanaan pengajaran perdagangan dan tiada hubungan antara tahap pengetahuan guru tentang pengalaman pembelajaran dan penilaian perdagangan dengan faktor demografi, segala permasalahan dan cadangan oleh guru perdagangan perlulah diambil kira oleh pihak tertentu untuk mencari jalan penyelesaian kepada faktor-faktor sebenar yang menyebabkan kemerosotan pencapaian mata pelajaran perdagangan sekolah menengah di Kuala Lumpur.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science.

THE RELATIONSHIP BETWEEN TEACHER`S KNOWLEDGE OF THE COMMERCE LEARNING EXPERIENCE AND EVALUATION AND THE TEACHER`S MANAGEMENT OF THE IMPLEMENTATION OF THE COMMERCE IN SECONDARY SCHOOLS, KUALA LUMPUR

By

ASNAINI BINTI AWI

January 2008

Chairman : Associate Professor Mohd Majid Bin Konting, PhD

Fakulti : Educational Studies

This study aims to identify the relationship between teachers' knowledge of commerce learning experience and evaluation and the teachers' management of the implementation of the commerce instruction in secondary schools in Kuala Lumpur. The subjects consists of 30 commerce teachers from different schools in the Pudu Zone of Kuala Lumpur. Two research instruments namely, the Commerce Knowledge Test used to measure the teachers' knowledge of the commerce learning experience and evaluation; and a questionnaire, used to measure the level of implementation management of the commerce instruction, are utilised.

The findings of the research are reported based on six questions. Firstly, how far do the commerce teachers actualy know the commerce learning



experience based on the learning experience specifications and teaching methods; and commerce evaluation? Secondly, how far do the commerce teachers manage to implement the instruction from the perspective of management of teaching, classroom management and the management of commerce test? Thirdly, is there any relationship between teachers' knowledge of the commerce learning experience and evaluation and the teachers' management of the commerce instruction implementation? Fourthly, is there any relationship between teachers' knowledge of the learning experience and the demographic factors such as teaching options, experience in teaching the subject, academic qualifications and experience in marking SPM examination paper? Fifth, what are the problems faced by commerce teachers in implementing the instruction? Sixth, what are the possible suggestions made by the commerce teachers in order to overcome the existing problems?

The results showed that teachers' level knowledge of the commerce learning experience and evaluation is moderate (mean score = 67.93, standard deviation = 19.73), meanwhile the level of the commerce instruction implementation management is moderate (mean score = 147.57, standard deviation = 13.30). The results also showed that a no significant relationship exist between teachers' knowledge of the learning experience and the implementation of the instruction based on three aspects, namely



management of teaching ($r = -0.070$, $p \geq 0.05$), classroom management ($r = 0.018$, $p \geq 0.05$) and test management ($r = 0.039$, $p \geq 0.05$). The results also showed that a no significant relationship between teachers' knowledge of the commerce learning experience and the demographic factors; namely teaching options ($r_{cc} = 0.534$, $p \geq 0.05$), teaching experience ($r = -0.198$, $p \geq 0.05$), academic qualifications ($r_s = -0.094$, $p \geq 0.05$) and experience as SPM examination paper examiner ($r = -0.053$, $p \geq 0.05$).

The results of data analysis on the problems and challenges faced by commerce teachers in managing the commerce instruction implementation showed that most respondents have problems with the uncoordinated learning experience specifications and as well as limited time to finish up the syllabus. Most respondents suggested that the learning experience specifications should be simplified and extra teaching time should be given.

In conclusion, even though there is no significant relationship between the teachers' knowledge of the commerce learning experience and evaluation and the teachers' implementation management of the commerce instruction and also the no significant relationship between the teachers' knowledge of the commerce and demographic factor, all of the problems faced by the teachers and their suggestions need to be taken into considerations by responsible parties in order to find solutions to the real factors that have

caused the decline of the students' performance in the commerce subject among secondary students in Kuala Lumpur.



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya, tesis ini telah dapat disempurnakan.

Saya ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr Mohd Majid Bin Konting selaku Penyelia Pertama dan Dr Suhaida Binti Abdul Kadir selaku Penyelia Kedua Jawatankuasa Penyeliaan Tesis di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat dan kerjasama yang bersungguh-sungguh yang dihulurkan tanpa jemu sepanjang proses penyiapan penyelidikan ini.

Penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada ayahanda dan bonda yang tercinta, Haji Awi bin Mat Saidi dan Hajjah Masnon binti Sarbudin atas segala pengorbanan, sokongan dan galakan tanpa rasa jemu yang memberi inspirasi dan kekuatan kepada diri dalam mengharungi segala dugaan dan cabaran hidup sepanjang tempoh pengajian di Universiti Putra Malaysia. Tidak lupa juga kepada anakanda yang dikasihi, Nik Nur Husnina, Nik Amir Hakim dan Nik Akmal Hadi yang begitu memahami dan sabar menunggu kejayaan dan cita-cita bonda tercapai. Hanya bekalan ilmu dunia dan akhirat berserta limpahan kasih sayang dapat menjamin kebahagiaan.

Penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada Dekan, Timbalan-Timbalan Dekan, Profesor-Profesor dan Pensyarah-Pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan yang telah mencurahkan ilmu pendidikan kepada saya sepanjang pengajian di Universiti Putra Malaysia. Ucapan terima kasih juga kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan di Fakulti Pengajian Pendidikan, Pusat Pengajian Siswazah, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM dan rakan-rakan seperjuangan program Master Sains Pentadbiran Pendidikan atas kerjasama dan bantuan yang diberikan sepanjang tempoh pengajian di UPM.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pusat Sumber



Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang memberi kebenaran dan kelulusan untuk mendapatkan maklumat-maklumat terkini yang diperlukan untuk kajian ini.

Ucapan terima kasih juga kepada pengetua-pengetua, guru-guru sumber perdagangan JPWPKL dan guru-guru perdagangan di sekolah menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atas kerjasama yang diberikan kepada saya bagi melancarkan lagi kajian ini.

Akhir kata, setiap budi dan jasa mereka ini hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalas-Nya. Semoga usaha ini sentiasa diberkati dan dirahmati Allah s.w.t untuk dimanfaatkan bersama-sama.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 11 Januari 2008 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Asnaini binti Awi untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Hubungan antara Pengetahuan Guru Tentang Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan dengan Pengurusan Pelaksanaan Perdagangan di Sekolah Menengah, Kuala Lumpur” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Rohani binti Ahmad Tarmizi, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Norhayati binti Alwi, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Foo Say Fooi, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Dato' Aminah Ayob, PhD

Profesor dan Naib Canselor
Pejabat Naib Canselor
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 Mei 2008



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat-syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Majid bin Konting, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Suhaida binti Abdul Kadir, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 Jun 2008



PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

ASNAINI BINTI AWI

Tarikh: 28 April 2008



JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	vii
PENGHARGAAN	xi
PENGESAHAN	xiii
PERAKUAN	xv
SENARAI JADUAL	xviii
SENARAI RAJAH	xxi
SENARAI SINGKATAN	xxii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
2 SOROTAN KAJIAN	19
Pengetahuan Guru Tentang Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan	19
Pengalaman Pembelajaran Perdagangan	22
Penilaian Perdagangan	31
Pengurusan Pelaksanaan Pengajaran Perdagangan	32
Pengurusan Pengajaran	33
Pengurusan Bilik Darjah	48
Pengurusan Ujian Perdagangan	52
Hubungan Antara Pengetahuan Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan dengan Pengurusan Pelaksanaan Pengajaran Perdagangan	54
Hubungan Antara Pengetahuan Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan dengan Faktor Demografi Guru Perdagangan	57
Kerangka Konseptual Kajian	61
3 METODOLOGI	64
Reka Bentuk Kajian	64
Instrumentasi	65
Ujian Pengetahuan Perdagangan	66
Soal Selidik	68
Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumentasi Kajian	72
Tempat Kajian	77
Populasi dan Persampelan	77
Tatacara Pengumpulan Data	79
Penganalisan Data	80



4	DAPATAN KAJIAN	84
	Latar Belakang Responden	85
	Tahap Pengetahuan Guru Tentang Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan	88
	Tahap Pengurusan Pelaksanaan Pengajaran Perdagangan dari Aspek Pengurusan Pengajaran, Pengurusan Bilik Darjah dan Pengurusan Ujian Perdagangan di Sekolah Menengah	91
	Hubungan Antara Pengetahuan Guru Tentang Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan dengan Pengurusan Pelaksanaan Pengajaran Perdagangan	92
	Hubungan Antara Pengetahuan Guru Tentang Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan dengan Faktor Demografi	93
	Mengenal Pasti Masalah dan Cadangan oleh Guru Perdagangan Terhadap Pengetahuan Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan dan Pengurusan Pelaksanaan Pengajaran Perdagangan di Sekolah Menengah	95
	Masalah oleh Guru Perdagangan Tentang Pengetahuan Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan dan Pengurusan Pelaksanaan Pengajaran Perdagangan di Sekolah Menengah	96
	Cadangan Penambahbaikan Terhadap Tahap Pengetahuan Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan dan Pengurusan Pelaksanaan Pengajaran Perdagangan	101
	Rumusan	105
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	107
	BIBLIOGRAFI	139
	LAMPIRAN	145
	BIODATA PENULIS	186
	SENARAI PENERBITAN	187



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Perbandingan Pencapaian Mata Pelajaran Perdagangan WPKL dengan Peringkat Kebangsaan	3
2	Bidang Tanggungjawab untuk Pengurusan Bilik Darjah dan Disiplin	49
3	Agihan Soalan-Soalan Tentang Elemen-Elemen Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan	67
4	Agihan Item-Item Tentang Persepsi Guru Perdagangan Terhadap Pengurusan Pelaksanaan Pengajaran	70
5	Indeks Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik Setiap Aspek Pengurusan Pelaksanaan Pengajaran	76
6	Taburan Sampel Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah Harian di Zon Pudu, WPKL	78
7	Taburan Responden Mengikut Jantina	85
8	Opsyen Mengajar Responden	86
9	Pengalaman Responden Mengajar Mata Pelajaran Perdagangan	86
10	Kelulusan Akademik Responden	87
11	Pengalaman Responden Sebagai Pemeriksa Kertas Perdagangan SPM	88
12	Taburan Skor Tahap Pengetahuan Guru Tentang Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan	89



13	Tahap Pengetahuan Guru Tentang Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan	90
14	Taburan Skor Tahap Pengurusan Pelaksanaan Pengajaran Perdagangan	91
15	Tahap Pengurusan Pelaksanaan Pengajaran Perdagangan	92
16	Hubungan Pengetahuan Guru Tentang Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan dengan Pengurusan Pelaksanaan Pengajaran Perdagangan	93
17	Hubungan Pengetahuan Guru Tentang Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan dengan Opsyen Mengajar	94
18	Hubungan Tahap Pengetahuan Guru Tentang Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan dengan Pengalaman Mengajar, Kelulusan Akademik dan Pengalaman Sebagai Pemeriksa Kertas Perdagangan SPM	95
19	Taburan Masalah yang Dihadapi oleh Guru Perdagangan tentang Pengetahuan Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan	97
20	Taburan Masalah yang Dihadapi oleh Guru Perdagangan dari Aspek Pengurusan Pengajaran	98
21	Taburan Masalah yang Dihadapi oleh Guru Perdagangan dari Aspek Pengurusan Bilik Darjah	99
22	Taburan Masalah yang Dihadapi oleh Guru Perdagangan dari Aspek Pengurusan Ujian Perdagangan	101
23	Taburan Cadangan oleh Guru Perdagangan dari Aspek Pengetahuan Tentang Pengalaman Pembelajaran dan Penilaian Perdagangan	102
24	Taburan Cadangan oleh Guru Perdagangan dari Aspek Pengurusan Pengajaran	103



25	Taburan Cadangan oleh Guru Perdagangan dari Aspek Pengurusan Ujian Perdagangan	105
----	--	-----



RAJAH

Rajah		Halaman
1	Taksonomi Objektif Pendidikan Bloom	21
2	Struktur Pengetahuan	42
3	Rentak Pengajaran	47
4	Guru Sebagai Pengurus Bilik Darjah	50
5	Kerangka Konseptual Kajian	63
6	Ringkasan Penganalisan Data	82

SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
JPWPKL	Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
JSU	Jadual Spesifikasi Ujian Piawaian Perdagangan SPM
KBKK	Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia (sebelum 2004) Kementerian Pelajaran Malaysia (selepas 2004)
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PLBD	Pembelajaran Luar Bilik Darjah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris
PSPNWPKL	Pusat Sumber Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
WPKL	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bidang perdagangan memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan negara khususnya dalam mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan dan memberi sumber pendapatan kepada individu, masyarakat dan negara. Kepentingan bidang perdagangan ini telah mendorong Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menawarkan bidang perdagangan sebagai salah satu kurikulum mata pelajaran yang diajar di sekolah menengah sejak tahun 1975 (KPM, 1993).

Kurikulum perdagangan sekolah menengah atas dibentuk berdasarkan amalan perdagangan dan perniagaan yang telah disepadukan dalam 15 topik pembelajaran. Perdagangan merupakan mata pelajaran elektif untuk Tingkatan 4 dan 5 di bawah kumpulan Sastera Ikhtisas di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (KPM, 2000j). Namun demikian, pengajaran dan pembelajaran perdagangan pada amalannya hanya ditawarkan kepada pelajar aliran kemanusiaan yang memperoleh pencapaian yang sederhana dan lemah dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) (KPM, 2000j).



Para pelajar sebenarnya telah menerima pengetahuan dan kemahiran asas perdagangan selama tiga tahun di peringkat sekolah rendah melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah (KPM, 2002d) dan kemudiannya tiga tahun di peringkat sekolah menengah rendah melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) (KPM, 2002e). Oleh itu, para pelajar dijangka mempunyai pengetahuan perdagangan yang mantap selepas mengikuti mata pelajaran perdagangan selama lapan tahun dalam persekolahan mereka. Namun, masih berlaku kemerosotan dalam pencapaian mata pelajaran perdagangan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sekolah-sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) empat tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2000 hingga 2003. Peratus kelulusan mata pelajaran perdagangan pada tahun 2000 ialah 69.5%, tahun 2001 ialah 66.6%, tahun 2002 ialah 64.4%, dan tahun 2003 ialah 60.90% (KPM, 2005).

Walaupun berlaku peningkatan sebanyak 7.31% pada tahun 2004, pada tahun 2005 berlaku penurunan sekali lagi sebanyak 2.07%, menjadikan peratus kelulusan mata pelajaran perdagangan sebanyak 66.14% di peringkat WPKL, sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jika dibandingkan dengan peratus kelulusan mata pelajaran perdagangan SPM di peringkat kebangsaan, pencapaian mata pelajaran perdagangan di